

UMP Raih Anugerah dan 9 Pingat



Kuala Lumpur, 14 Februari - Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraih satu pingat emas, enam perak dan dua gangsa pada pameran Malaysia Technology Expo 2015 (MTE) yang berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) baru-baru ini.

Pingat emas tunggal dimenangi pensyarah dari Fakulti Sains dan Teknologi Industri (FSTI), Dr. Essam Abdellatif Makky Saleh menerusi produk L-Asparaginase From Squid Cartilage Bone dan lebih menariknya turut memenangi anugerah Best Award dari Korea. Penyelidikan ini menghasilkan produk anti kanser dengan menggunakan tulang sotong.

Tiga pingat perak pula diraih penyelidik dari Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Sumber Asli (FKKSA) yang terdiri daripada Dr. Mior Ahmad Khushairi Mohd Zahari dengan hasil penyelidikan OPF Biosugars: Renewable and Novel Feedstock for Poly (3-hydroxybutyrate) Bioplastic. Dr. Mohammad Rizza Othman pula menerusi projek E-APS : A Novel E-Management System For Systematic Management And Evaluation of Academician Activities dan Mohd Najib Razali menerusi produk Sludge Oil Derived Base Oil (SODBO): Attractive SW Solution for Petroleum Industry.



Selain itu turut menerima pingat perak, Prof. Dr. Kamal Zuhairi Zamli dengan penyelidikan An Automated Tool for Generating MCDC Compliant Test Suite. Prof. Madya Dr. Saiful Nizam Tajuddin menerusi produk Agarwood Booster Patch dan Dr. Gaanty Pragas A/I Maniam menerusi produk Novel Biodiesel from Biowaste.

Manakala bagi pingat gangsa pula telah disumbangkan oleh Dr. Natanamurugaraj Govindan menerusi penyelidikan Silver Nanoparticles Based Mouthwash Prepared from Commelina Nudiflora (Rumput Tahi Itik): AsNovel Oral Hygiene Product dan Dr. Gurumurthy Hedge menerusi produk Fast Photoswitching Isoflavones.

Pameran MTE 2015 menyaksikan lebih daripada 500 pameran ciptaan dan inovasi dengan penyertaan daripada universiti, institusi penyelidikan, pencipta individu dan sektor korporat dari negara-negara Asia dan Eropah. MTE edisi ke-14 dirasmikan Pengarah Malaysian Technology Development Corporation (MTDC), Dato Nurhalim Yunus manakala Malaysian Association of Research Scientists (MARS) dan PROTEMP Exhibitions and Conferences Sdn Bhd sebagai penganjur di pameran ciptaan dan inovasi antarabangsa ekspo yang utama di rantau ini.



Posted By : SITI SARAH BINTI MOHAMAD RAJIMI Date Posted : 02-03-2015, 12:58:01